

TAN SRI DATO' HAJI HASSAN AZHARI: SUMBANGANNYA DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DI MALAYSIA

Oleh:

Khalid b. Isa ¹

Muhammad Lukman b. Ibrahim ²

Abstrak

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari merupakan salah seorang tokoh ilmunan yang terkenal dalam bidang pengajian al-Quran. Beliau telah banyak berjasa dan memberi sumbangan dalam perkembangan ilmu al-Quran kepada masyarakat di Malaysia. Kepakaran beliau dalam bidang ini seperti tarannum tajwid dan qirā'āt yang menyebabkan beliau sampai ke tahap menjadi seorang pakar rujuk. Antara sumbangan beliau yang terbesar ialah sebagai hakim majlis tilawah al-Quran, tenaga pengajar, pembentang kertas kerja dan lain-lain. Namun, ulama seperti beliau yang dianggap sebagai ejen pencetus kepada perubahan masyarakat perlu ditonjolkan dan didedahkan sumbangannya supaya menjadi warisan kepada generasi yang akan datang.

Kata Kunci: *Tilawah al-Quran, Tajwid, Tarannum, Qari*

PENGENALAN

Kajian mengenai sumbangan³ tokoh adalah satu kajian yang terpenting dan banyak manfaatnya. Apatah lagi jika kajian tersebut melibatkan

¹ Khalid b. Isa, calon Ph.D di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur.

² Muhammad Lukman b. Ibrahim, (Ph.D), Penyelaras dan Pensyarah Prog. Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur.

³ Sumbangan bermaksud sesuatu yang diberikan sebagai bantuan, sokongan atau pertolongan. Lihat Noresah bt. Baharom (2002), *Kamus Bahasa Melayu*, ed. 2, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 189.

sumbangan seorang tokoh yang masyhur seperti Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. Beliau adalah anak kelahiran bumi *anbiyā'* iaitu tanah suci Makkah al-Mukarramah dan dilahirkan dalam suasana keluarga alim ulama. Beliau juga seorang yang fasih berbahasa Arab, mengetahui selok belok ilmu fiqah, tafsir, hadis, tasauf dan lain-lain. Beliau banyak mencurahkan jasa, pengorbanan, fikiran dan tenaga demi meningkatkan perkembangan ilmu al-Quran di Malaysia.

LATAR BELAKANG TAN SRI DATO' HAJI HASSAN AZHARI

1. Nama dan Kelahiran

Nama penuh beliau ialah Tan Sri Dato' Hj. Hassan b. Hj. Azhari.⁴ Dalam kalangan keluarga dan anak-anak muridnya, beliau lebih dikenali dengan panggilan "Abu Ya".⁵ Beliau dilahirkan pada 18 Ogos 1928 di sebuah kampung yang dikenali dengan Syu'ib 'Amir⁶ di Makkah al-Mukarramah.⁷

2. Latar Belakang Keluarga

Salasilah keturunan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari adalah merupakan keturunan alim ulama. Ayahanda beliau bernama Hj. Azhari b. Hj. Abdul Khaliq yang merupakan seorang tokoh agama terkenal di negeri Selangor. Dilahirkan pada tahun 1880 di Kampung Arang-arang Pantai, Membaram, Sungai Gatal Barabai Banjarmasin, Kalimantan Borneo, Indonesia. Datuk beliau pula bernama Hj. Abdul Khaliq b. Hj. Abdul Rauf juga merupakan seorang tokoh ulama di Banjarmasin Indonesia.⁸

Bonda Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari bernama Hj. Fatimah bt. Hj. Abdul Hakim. Hj. Abdul Hakim seorang yang berketurunan Padang, Sumatera Indonesia dan juga merupakan seorang tokoh ulama yang belajar lama di tanah suci Makkah al-Mukarramah. Isteri beliau bernama Hj. Zainab, seorang yang berkacukan Arab al-Ashnanī

⁴ Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, Temu bual pada 24 November 2008.

⁵ Hj. Maimunah bt. Abd Ghani iaitu isteri tokoh. Temu bual pada 17 November 2008.

⁶ Kampung Syu'ib 'Amir merupakan sebuah kampung yang terletak berhampiran dengan Masjid al-Haram dan bersebelahan kampung Syu'ib 'Ali iaitu tempat kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

⁷ Temu ramah dengan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

⁸ *Ibid.*

dan Padang Indonesia. Secara tidak langsung, bonda beliau adalah merupakan seorang yang berketurunan campuran Arab Mesir al-Ashnanī dan Padang Indonesia (Minangkabau al-Khatib). Bonda beliau seorang fasih dalam pertuturan bahasa Arab kerana beliau lama tinggal di Makkah al-Mukarramah.⁹

Menurut Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, sebenarnya hasil perkahwinan ayahanda dan bonda beliau, kedua-duanya telah dikurniakan zuriat seramai tujuh orang anak. Adik-beradik beliau semuanya dilahirkan di tanah suci Mekah. Lima orang daripada adik-beradik beliau meninggal dunia di sana sewaktu kecil. Dua orang meninggal dunia disebabkan keguguran dan tiga orang meninggal sewaktu umur dalam lingkungan dua atau tiga tahun. Dua orang yang baki lagi ialah Hj. Abdul Hakim dan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. Beliau adalah merupakan anak yang bongsu.¹⁰

Beliau mempunyai 22 orang anak daripada tiga orang isteri. 13 orang anak yang pertama hasil perkahwinan beliau dengan isteri pertama, Sahara Abdul Samad yang meninggal pada April 2004. Tiga orang anak lelaki yang pertama amat dikenali ramai iaitu Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, bekas ADUN Hulu Klang, Dato' Fuad Hassan kini Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas atau JASA Kementerian Penerangan dan pelakon terkenal Dato' Jalaluddin Hassan. Seorang lagi anaknya dengan isterinya Maimunah Abd. Ghani, Mohammad Izzat Hassan mengikuti jejak langkah abangnya Musa dalam bidang kepolisan.¹¹

3. Pendidikan

Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari dibesarkan dalam persekitaran keluarga dan masyarakat yang berilmu dan beragama. Beliau mempelajari al-Quran sejak kecil di Mekah. Pada peringkat rendah, beliau belajar secara formal di Madrasah Dār al-Ulūm, Mekah. Antara guru beliau di sini ialah Syeikh Yasin al-Fādānī dan di Masjid al-Haram, gurunya yang lain ialah Syeikh Ismā'īl Tamīm (salah seorang imam masjid di Mekah).¹²

⁹ Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), Biografi Dato' Haji Hassan Azhari, Kuala Lumpur: Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 9.

¹⁰ Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari, *op. cit.*

¹¹ Lihat <http://www.alquran.gov.my/tilawah/sejarah>.

¹² *Ibid.*

Ketika berusia lapan tahun, beliau berhijrah ke Malaya (Malaysia) bersama abangnya, Abdul Hakim dengan menaiki kapal laut selama beberapa bulan. Di Malaya, beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Marta, al-'Ulūm al-Diniyyah di Kuala Langat, Selangor seterusnya ke Sekolah Arab al-Hayāt al-Mardiyyah di Kampung Jawa, Selangor. Beliau menyambung pelajaran ke Sekolah al-Junayd, Singapura selama dua tahun untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Antara gurunya di sana ialah Sayyid Abu Bakar al-Saqqāf dan Syeikh Abdullah al-Faqīh.¹³

Kemudian, beliau menyambung pengajian ke Maahad al-'Ulūm (kini Sekolah Agama Menengah Hishamuddin, Kelang) dan memperoleh Sijil *Rābi' Thanawī*. Bagi mendalami pengajian al-Quran, beliau kembali ke Mekah dan menyambung pengajian dengan Syeikh Ismail Tamīm.¹⁴

Beliau kemudiannya mempelajari bidang tarannum dengan beberapa ulama terkenal antaranya Syed Mahmud Lutfi Amir. Guru-guru al-Quran yang lain ialah Syeikh Mahmud al-Bukhārī (riwayat *Hafṣ*), Syeikh Muḥammad 'Abd al-Ṣamad, Dr. Aḥmad Nu'aynā' dan Syed Maḥmud Amīn Ṭanṭawī (riwayat *Warsh* Imām Nāfi').¹⁵

4. Keistimewaan

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mempunyai keistimewaan dari segi suaranya yang merdu dan lunak.¹⁶ Beliau telah diberi penghormatan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj untuk melaungkan azan sempena menyambut hari kemerdekaan Malaysia. Seminggu sebelum 31 Ogos 1957, Datuk Abdul Rahman Talib yang ketika itu Menteri Pelajaran telah datang meminta persetujuan daripada beliau untuk melaungkan azan. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan keadaan gembira dan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana negara Malaysia telah bebas daripada penjajah.¹⁷

Selain daripada suara beliau yang merdu, beliau juga seorang yang sangat petah bercakap bahasa Arab sama ada, '*ammī* atau *fushḥah*.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Hjh. Maimunah bt. Abd Ghani, isteri tokoh. Temu bual pada 24 November 2008.

¹⁷ Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op. cit.*, h. 52 - 53.

Beliau salah seorang penal penceramah kepada peserta-peserta tilawah al-Quran peringkat antarabangsa untuk menerangkan bagaimana syarat-syarat dan peraturan-peraturan tilawah. Kebanyakan peserta-peserta datang dari negara Arab seperti Mesir, Jordan, Maghribi dan sebagainya.¹⁸

5. Pujian Masyarakat

Antara pujian kepada diri beliau ialah pujian yang diberikan oleh masyarakat dan para qari. Pujian itu berbunyi: “Abu Ya seorang pakar dalam ilmu tarannum dan tajwid, jika dia mengajar mudah difahami”.¹⁹

Yang paling hebat diberi pujian oleh salah seorang gurunya iaitu *al-muqri'* Mesir Syeikh Maḥmūd Khalīl al-Huṣārī: “Hassan pembacaannya cukup bagus menepati kehendak tajwid al-Quran dan mempunyai irama lagu yang indah”. Sehingga Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mendapat pengiktirafan daripadanya kerana bacaan al-Quran beliau yang *berlahjah Arab*.²⁰

6. Karya, Makḥṭūṭāt²¹ dan Kertas Kerja

Dalam kesibukan beliau menggalas tanggungjawab mendidik anak-anak bangsa mendalami ilmu-ilmu al-Quran, beliau sempat menghasilkan beberapa hasil karya tulisan sebagaimana berikut:

- a. Beliau telah menulis sebuah risalah bertajuk *Muqaddimah Ilmu Tajwid* yang diterbitkan oleh Persatuan *Qurrā'* Malaysia pada tahun 2001.
- b. Terdapat beberapa karya yang turut dihasilkan tetapi masih dalam bentuk *makḥṭūṭāt* yang bertajuk:
 - i. Faṣāḥah Dalam Pembacaan al-Quran
 - ii. Siri Khas Mengenai Hukum Tajwid Amali dan Syaratnya-Bacaan *al-Fātiḥah*.
 - iii. Perbezaan Nasyid Tradisi dan Nasyid Moden.

¹⁸ Ustaz Karim Bahagian Urusetia Antarabangsa Putrajaya. Temu bual pada 17 Februari 2009.

¹⁹ Us. Jamari b. Muhammad. Temu bual pada 10 September 2009.

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Makḥṭūṭāt* ialah kitab atau nas yang ditulis dengan tangan yang belum dicetak.

- c. Beliau juga telah menulis kertas kerja dan membentangnya pada peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa, antaranya:
 - i. “Pemahaman Tajwid al-Quran Dalam Masyarakat Globalisasi” yang dibentang dalam Seminar Kebangsaan Pengajian al-Quran di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor pada 1-2 September 2001.
 - ii. “Penghayatan Ilmu Tajwid al-Quran dan Amalannya Dalam Masyarakat Hari Ini” yang dibentangkan dalam Seminar Tajwid dan *Qirā'āt* yang diadakan di Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya pada tahun 2003.
 - iii. “Keistimewaaan dan Kelemahan Tajwid Dalam Pembacaan al-Quran: Pengamalan Penghakiman Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa” yang dibentangkan dalam Kursus Peningkatan, Pengembangan Tarannum dan *Qirā'āt* Sabah, Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran Kementerian Pendidikan Malaysia pada 29 Oktober 1998.

7. Pengaruh Beliau Dalam Masyarakat

Penulis telah membuat satu analisis melalui temu bual secara formal dengan beberapa orang anak murid beliau, para hakim tilawah al-Quran dan beberapa qari-qariah yang menyertai majlis tilawah al-Quran. Penulis mendapati ilmu al-Quran yang ada pada beliau boleh dikatakan amat meluas, diibaratkan seperti lautan ilmu. Tambahan lagi, ilmu-ilmu al-Quran yang berkembang di Malaysia ini adalah sebahagian besarnya daripada ilmu beliau yang telah disebar kepada seluruh lapisan masyarakat. Hal ini terbukti melalui penelitian penulis dari sudut kaedah pengajian dan pengajaran ilmu al-Quran yang telah diamalkan di negeri-negeri Malaysia oleh guru-guru al-Quran. Begitu juga dari sudut pembacaan para qari-qariah semasa majlis tilawah al-Quran. Secara keseluruhan boleh dikatakan pengamalan mereka dalam bacaan al-Quran mengikut gaya dan teknik tarannum yang disebarkan oleh beliau sama ada dari segi burdah-burdah lagu, harakat lagu, istilah-istilah, suara dan sebagainya. Begitu juga dalam bidang penghakiman majlis tilawah al-Quran. Kebanyakan para hakim yang menghakimi majlis tilawah al-Quran sama ada peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah mengikut cara dan kaedah yang beliau amalkan.

8. Penganugerahan

Sumbangan yang telah diberikan oleh Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari kepada agama, bangsa dan negara adalah amat besar terutamanya dalam meningkatkan pengajian tilawah al-Quran dari sudut tajwid, makhraj dan tarannum. Sumbangan tersebut telah diberi pengiktirafan dan mendapat penghargaan daripada pelbagai pihak dalam bentuk penganugerahan, pengisytiharan tokoh dan pengurniaan pingat atau darjah kebesaran.²²

No.	Anugerah	Tahun
1.	Pingat Jasa Kebaktian Selangor (P.J.K)	1964
2.	Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M)	1978
3.	Kesatria Mangku Negara Kerajaan Persekutuan (K.M.N)	1981
4.	Darjah Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor (D.S.S.A)	1986
5.	Johan Setia Mahkota Kerajaan Persekutuan (J.S.M)	1989
6.	Anugerah Tokoh Guru Agama Negeri Selangor	1989
7.	Anugerah Tokoh Maal Hijrah Wilayah Persekutuan	1990
8.	Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Selangor	1991
9.	Anugerah Khas Malam Seri Angkasa RTM	1997
10.	Anugerah Kehormat Dalam Pendidikan dan Dakwah Kolej Darul Ehsan Selangor	1999
11.	Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan pada tahun 1423H	2002
12.	Panglima Setia Mahkota (P.S.M) yang membawa gelaran Tan Sri oleh Yang Dipertuan Agong ²³	2009
13.	Dianugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana (Pengajaran al-Quran) Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Insaniah Ke-11	2009

²² Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari. *op.cit.*, lihat juga Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op.cit.*, h. 131-135.

²³ <http://www.kedah.gov.my/kehad/isi.asp>. Lihat juga Tan Sri Dato' Haji Hassan b. Haji Azhari, *op. cit.*

SUMBANGANNYA DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DI MALAYSIA

1. Hakim Majlis Tilawah Al-Quran

- a. Hakim Majlis Tilawah al-Quran Anjuran Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Keilmuan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam bidang al-Quran tidak dapat dinafikan lagi. Malah ada yang berpendapat bahawa tiada siapa yang dapat menandingi keilmuan beliau dalam bidang al-Quran di Malaysia. Banyak jasa dan sumbangan beliau terhadap kerajaan Malaysia yang tidak pernah jemu diberikan sampai sekarang ini. Sumbangan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam bidang al-Quran terbukti apabila beliau sering dijemput menjadi hakim pada semua peringkat sama ada daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau menceburkan diri dalam bidang penghakiman tilawah al-Quran pada peringkat daerah dan jajahan khususnya seluruh daerah negeri Selangor dan Kuala Lumpur pada tahun 1959.²⁴ Bermula tahun itulah beliau mula dijemput dalam penghakiman majlis tilawah al-Quran yang dianjurkan bagi peringkat negeri-negeri, antaranya Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Sabah dan Sarawak.²⁵

Bermula daripada tahun 1960 hingga kini, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari telah diberi amanah untuk menghakimi tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia sendiri. Beliau akan menghakimi dalam pelbagai bidang termasuk tarannum, tajwid, *faṣāḥah* dan suara. Sepuluh tahun kebelakangan ini beliau selalunya diberi tugas untuk menghakimi dalam bidang tajwid.²⁶ Dalam pada itu juga, beliau adalah orang pertama yang mula melibatkan diri dalam bidang penghakiman pada peringkat antarabangsa yang sering diadakan pada setiap tahun di Malaysia sejak tahun 1961.²⁷

²⁴ Tan Sri Dato' Haji Hassan b. Haji Azhari. Temu bual pada 13 Mac 2009.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*

Dengan keilmuan, kepakaran, pengalaman dalam bidang al-Quran, Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari bukan sahaja menjadi hakim peringkat antarabangsa di Malaysia, malah peringkat antarabangsa di luar negara. Antara negara-negara yang beliau pernah menjadi hakim tilawah al-Quran peringkat antarabangsa luar negara ialah seperti Makkah al-Mukarramah sebanyak 14 kali daripada tahun (1979-1993), Mesir pada tahun (1993 dan 1994), UAE Dubai, Iran, Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura dan lain-lain.²⁸

Pengalaman beliau dalam menghakimi majlis tilawah al-Quran sudah melebihi 50 tahun. Dengan pengalaman ini bolehlah disimpulkan bahawa beliau adalah seorang yang mahir dalam sudut penghakiman tilawah al-Quran.²⁹

b. Hakim Majlis Tilawah al-Quran Hafazan (JAKIM)

Bidang hafazan menjadi minat Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari sejak kecil lagi, sehinggalah membawa beliau menjadi hakim di majlis tilawah al-Quran hafazan pada pelbagai peringkat hinggalah ke peringkat antarabangsa.

Majlis tilawah al-Quran hafazan yang pertama dihakimi beliau ialah Majlis Tilawah Hafazan al-Quran di Arab Saudi pada awal tahun 90-an. Kemudian beliau telah memperkenalkannya di tanah air dengan menyuarakan pandangan beliau untuk mengadakan majlis tilawah al-Quran hafazan di Malaysia. Pandangan dan cadangan beliau dipersetujui oleh pihak Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Secara tidak langsung pihak Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memberi kepercayaan kepada beliau untuk menjadi salah seorang hakim dalam majlis tilawah al-Quran hafazan tersebut. Kebiasaannya beliau dipertanggungjawabkan menjadi hakim *fāith*. Sehingga sekarang ini, majlis tilawah al-Quran hafazan di Malaysia berkembang sampai ke peringkat kebangsaan.³⁰

²⁸ Berita Harian: Isnin, 17 September 2001, h. 25.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op.cit.*, h. 75

- c. Hakim Majlis Tilawah al-Quran Anjuran Badan-badan Kerajaan dan Swasta.

Termasuk juga sumbangan beliau dalam bidang penghakiman ialah menjadi hakim dalam majlis tilawah al-Quran anjuran badan-badan kerajaan dan swasta seperti Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2002 hingga sekarang dan hakim peringkat kebangsaan Petronas pada tahun 2000 hingga sekarang.³¹

Pada tahun 1997 hingga sekarang ini, beliau menjadi hakim majlis tilawah al-Quran anjuran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan hakim majlis tilawah al-Quran peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) daripada tahun 2001 hingga 2003.³² Pada tahun 2006 hingga sekarang, beliau telah dijemput sebagai hakim majlis tilawah al-Quran anjuran Polis DiRaja Malaysia (PDRM) peringkat kebangsaan.³³ Selain itu, baru-baru ini beliau dilantik sebagai Pengerusi Jemaah Hakim Akademi al-Quran TV9 yang berlangsung pada hari Jumaat 6 Ogos 2010.³⁴

2. Penggubal Undang-undang Penghakiman Tilawah al-Quran

Beliau telah diberi kepercayaan oleh kerajaan Malaysia iaitu Jemaah Jawatankuasa Pusat dengan melantik beliau salah seorang penggubal undang-undang penghakiman tilawah al-Quran. Perlantikan ini adalah berdasarkan pengalaman beliau dan atas dasar beliau merupakan salah seorang hakim terawal yang menghakimi majlis tilawah al-Quran di Malaysia sejak tahun 1959 lagi.

Undang-undang penghakiman ini bertujuan untuk membantu para jemaah hakim majlis tilawah al-Quran menjalankan tugas penghakiman untuk memberi markah kepada peserta qari dan qariah dalam majlis tilawah al-Quran sama ada peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Hasil daripada penggubalan undang-undang penghakiman tersebut, terdapat bahagian-bahagian yang perlu dihakimi seperti berikut.³⁵

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

³³ Tan Sri Dato' Haji Hassan b. Haji Azhari, *op. cit.*

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

- a. Tajwid 40 markah.
- b. Tarannum 25 markah.
- c. *Faṣāḥah* 20 markah.
- d. Suara 15 markah

3. Menubuhkan Persatuan *Qurrā'* Malaysia

Sepanjang penglibatan dalam bidang al-Quran, beliau telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Persatuan *Qurrā'* ³⁶ Malaysia di atas persetujuan Kerajaan Malaysia. Tujuan beliau adalah untuk mengeratkan hubungan yang baik dengan persatuan *qurrā'* di luar negara seperti Indonesia, Mesir, Iran, Pakistan, Singapura dan lain-lain.³⁷ Beliau telah mengatur program untuk mengeratkan hubungan *qurrā'* Malaysia dengan *qurrā'* luar negara melalui program ziarah atau lawatan. Cara ini bukan sahaja mengeratkan hubungan antara *qurrā'* dari negara-negara lain malah menjadikan Malaysia semakin dikenali pada peringkat antarabangsa.³⁸

Dalam masa yang sama, beliau telah dilantik sebagai Jawatankuasa Persatuan *qurrā'* antarabangsa yang berpusat di Baghdad dan Iraq dengan memegang jawatan penting iaitu sebagai Timbalan Pengerusi *Jam'iyah al-Qurrā' wa al-Mujawwidīn* daripada tahun 1975-1980.³⁹

4. Tenaga Pengajar *Halaqah-halaqah*

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mencurahkan ilmu al-Quran dengan mengajar kepada masyarakat semenjak tahun 1959 hingga sekarang. Beliau biasanya menyumbang ilmu al-Quran dengan mengajar kelas-kelas atau *halaqah-halaqah* yang diadakan di surau-surau, masjid-masjid, rumah-rumah orang perseorangan dan di rumahnya sendiri. Pengajaran beliau disampaikan kepada pelbagai peringkat masyarakat termasuk penduduk kampung, pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, golongan profesional seperti guru, pensyarah, jurutera dan sebagainya.

Dalam menyampaikan ilmu al-Quran, beliau menggunakan kaedah tersendiri supaya masyarakat mudah menerima dan

³⁶ *Qurrā'* bermaksud para qari dan qariah.

³⁷ Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007). *op.cit.* h. 104-105.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

memahaminya. Menurut beliau, masyarakat ada tahap-tahap pembacaan al-Quran yang berbeza, jadi kaedah mengajar mestilah mengikut kesesuaian tahap ilmu masyarakat masing-masing.

Kebiasaannya, beliau menggunakan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah*⁴⁰ iaitu anak-anak muridnya berhadapan dengan beliau seorang demi seorang memperdengarkan bacaan mereka dan beliau terus menegurnya jika ada kesilapan.⁴¹

5. Penceramah di Masjid-masjid dan Surau-surau

Masjid-masjid adalah tempat Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari mencurahkan segala ilmu yang dimilikinya kepada masyarakat. Boleh dikatakan kebanyakannya beliau menyampaikan ceramah atau kuliah mengenai bidang al-Quran seperti kelebihan al-Quran, ilmu tajwid,⁴² tarannum⁴³ dan qirā'āt⁴⁴ terutama di seluruh negeri Selangor dan Kuala Lumpur.⁴⁵

Terdapat masjid dan surau yang mana beliau sering menyampaikan ceramah seperti Masjid Jamek Sultan Sulaiman Alauddin Shah di Klang Selangor, Masjid al-Ghufran di Dato' Keramat, Kuala Lumpur, Madrasah Ittifaqiyah di Keramat Hujung, Dato' Keramat Kuala Lumpur dan sebagainya.⁴⁶

⁴⁰ Perkataan *talaqqī* bermaksud guru membaca ayat-ayat al-Quran dan pelajar mendengarnya dengan penuh teliti. *Mushāfahah* pula bererti sebutan yang diambil dari pergerakan dua bibir mulut guru. Lihat 'Abd al-Salām Muqbil al-Majīd (1421H/2000M), *Talaqqī al-Nabī Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*: Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 129.

⁴¹ Tan Sri Dato' Haji Hassan b. Haji Azhari, *op. cit.*

⁴² Tajwid dari segi bahasa bermaksud memperelokkan bacaan. Dari segi istilah pula iaitu mengeluarkan setiap huruf-huruf al-Quran dari *makhrajnya* di samping memberi hak-hak huruf dan sifat-sifatnya (sifat *jahr*, *syiddah*, *isti'la'* dan lain-lain). Lihat Su'ad 'Abd al-Hamīd (2003), *Taysīr al-Rahmān fī Tajwid al-Qur'ān*, al-Qāhirah: al-Azhar al-Sharīf, h. 25.

⁴³ Tarannum merupakan suatu ilmu yang membincangkan tentang lagu-lagu dalam bacaan al-Quran dengan suara yang merdu dan elok didengar dan tidak melanggar kaedah-kaedah hukum tajwid. Lagu-lagunya seperti bayati, hijaz, rast, sikah dan lain-lain. Lihat Norakyairee Mohd Raus & Adnan Mohamed Yusoff (2008), *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, c. 1, Kuala Lumpur: Meteor Doc, Sdn. Bhd., h. 2.

⁴⁴ Menurut Imam al-Jazarī: *Qirā'āt* ialah suatu ilmu tatacara mempraktikkan kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaannya yang disandarkan kepada perawi-perawinya. Lihat Ibn al-Jazarī, Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad b. Muḥammad (t.t), *Munjid al-Muqri'īn*, al-Qāhirah: Maktabah al-Quds, h. 13.

⁴⁵ Tan Sri Dato' Haji Hassan b. Haji Azhari, *op. cit.*

⁴⁶ *Ibid.*

6. Pembentang Kertas Kerja Dalam Kursus dan Seminar

Selain mengadakan kelas-kelas pengajian al-Quran, beliau juga diundang untuk membentang kertas kerja dalam kursus-kursus dan seminar-seminar. Di sini juga beliau dapat menyumbang dan menyebarkan ilmu al-Quran kepada masyarakat khususnya kepada peserta-peserta yang hadir. Kebanyakan kertas kerja yang dibentang oleh beliau adalah dalam bidang tarannum dan tajwid.⁴⁷ Keterlibatan beliau dalam program-program pengajian al-Quran ini melahirkan anak murid yang bergelar qari dan qariah yang ramai.⁴⁸

Beliau membentangkan kertas kerja kepada organisasi-organisasi agama pada peringkat negeri-negeri seperti membentang kertas kerja dalam khusus imam-imam, khatib dan ketua jabatan tahun 2001 dan 2004 anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Kursus Imam-Imam Wilayah Persekutuan tahun 1989 anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Beliau turut membentang kertas kerja dalam Kursus Guru-guru Kualiti Johor pada tahun 2002 anjuran Jabatan Agama Islam Johor (JAIL) dan membentang kertas kerja dalam bengkel bilal, imam dan khatib anjuran *jamā'ah al-qurrā'* Singapura pada tahun 2002.⁴⁹

Kemudian beliau juga diberi kepercayaan oleh pihak Kerajaan Malaysia untuk membentangkan kertas kerja kepada para hakim tilawah al-Quran peringkat kebangsaan iaitu kursus tentang kaedah-kaedah penghakiman dalam tilawah al-Quran. Antara kertas kerja yang dibentangkan beliau ialah aspek dan teknik penghakiman majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dalam Muzakarah Hakim Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 2003 JAKIM.⁵⁰

Begitu juga beliau telah memberi kursus kepada peserta-peserta tilawah peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan memberi penerangan tentang kaedah-kaedah dan cara-cara penghakiman di Malaysia.⁵¹

⁴⁷ Dr. Abdul Rauf b. Haji Azhari, anak tokoh. Temu bual ada 16 Januari 2009.

⁴⁸ Tan Sri Dato' Haji Hassan b. Haji Azhari. *op. cit.* Temu bual pada 30 Disember 2009.

⁴⁹ Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2006), *Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 445.

⁵⁰ Tan Sri Dato' Haji Hassan b. Haji Azhari. *op. cit.*

⁵¹ *Ibid.*

Terdapat banyak kertas kerja yang dibentang oleh beliau bermula daripada tahun 1995 hinggalah sekarang ini. Antaranya seperti:⁵²

- i. “Ahammiyyah Qirā’ah al-Qur’ān bi Luḥūn al-‘Arab”. Seminar al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Kedua pada 1 Ogos 2010 di Dewan Mukhtar Pusat Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI).
- ii. Muzakarah Tarannum al-Quran Peringkat Kebangsaan pada 15-8 Mac 2004 anjuran Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- iii. Aspek dan teknik penghakiman majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dalam Muzakarah Hakim Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 2003 Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- iv. Kursus kepada peserta-peserta tilawah peringkat antarabangsa dengan memberi penerangan tentang kaedah-kaedah dan cara-cara penghakiman di Malaysia.
- v. Kursus *Tahsīn Qirā’āt* Peringkat Negeri Selangor pada 25-27 April 2000.
- vi. Kursus *Tahsīn Qirā’āt* al-Quran Peringkat Kebangsaan daripada tahun 1992 hingga 2004 anjuran Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

7. Pembimbing Qari dan Qariah

Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari telah mencurahkan segala bakti dan ilmunya dengan membimbing qari-qariah Malaysia yang akan menyertai majlis tilawah al-Quran ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa terutamanya qari dan qariah dari negeri Selangor.

⁵² Tan Sri Dato’ Hj. Hassan Azhari, *op.cit.*, Lihat Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007), *op. cit.* h. 87-88 dan 91. Lihat juga Tan Sri Dato’ Hj. Hassan b. Hj. Azhari, (2010), “*Ahammiyyah Qirā’ah al-Qur’ān bi Luḥūn al-‘Arab*”. (Kertas Kerja Seminar al-Quran Peringkat Kebangsaan kali kedua sempena Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-52, 1 Ogos 2010).

Kerajaan Malaysia memberi kepercayaan kepada beliau untuk melatih qari dan qariah yang menyertai tilawah al-Quran ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa setiap tahun bermula tahun 1959 sehingga sekarang.⁵³ Beliau bukan sahaja membimbing qari dan qariah Malaysia malah kerajaan Malaysia memberi kepercayaan kepada beliau untuk membimbing qari dan qariah dari luar negara yang mewakili negara mereka masing-masing dalam majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa di Malaysia.⁵⁴ Ini adalah kerana beliau mempunyai kehebatan dalam berbahasa Arab. Antara lain, beliau juga merupakan seorang ahli panel pembimbingan kursus *Tahsīn* al-Quran dan kursus Tahfiz al-Quran Petronas pada 25 November 2004.⁵⁵

8. Ahli Lembaga *Tahsīn* al-Quran

Merujuk kepada kemahiran Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari dalam bidang al-Quran, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menyemak mushaf al-Quran yang dicetak di Malaysia atau di luar Malaysia. Tugasnya ialah untuk memastikan ketepatan al-Quran dengan mushaf al-Quran *rasm Uthmānī*. Maka dengan tugas itu, beliau telah dilantik sebagai salah seorang Ahli Lembaga *Tahsīn* al-Quran Kementerian Dalam Negeri dari tahun 1985 hingga 2004.

9. Tenaga Pengajar di Media Massa

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari merupakan tenaga pengajar di media massa. Pengajarannya melalui televisyen, radio dan penerbitan elektronik bermula pada tahun 1960 hingga 2000. Banyak rakaman-rakaman telah dibuat semata-mata untuk mengembangkan ilmu beliau kepada masyarakat. Antara rakaman-rakaman beliau:⁵⁶

No.	Rakaman	Tahun
1.	400 siri pelajaran al-Quran di radio RTM	1960-1998
2.	400 siri pelajaran al-Quran di televisyen RTM	1979-1984
3.	45 siri VCD pelajaran al-Quran	1990

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah (2007). *op.cit.*, h. 66.

10. Pakar Rujuk

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari telah berkecimpung dalam bidang al-Quran sejak bepuluh-puluh tahun hinggalah sekarang. Pengalaman ini menjadi beliau pakar rujuk dan sumber rujukan masyarakat di Malaysia dalam semua bidang al-Quran seperti tarannum, tajwid, *qirā'āt*, rasm Uthmānī dan lain-lain.

Terdapat pelbagai golongan yang datang merujuk kepada beliau. Ada antaranya golongan mahasiswa-mahasiswa universiti luar negara seperti pelajar-pelajar Mesir, Jordan, Madinah dan Indonesia. Mahasiswa dalam Malaysia pula seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan lain-lain. Terdapat juga golongan qari dan qariah sendiri yang mewakili negeri masing-masing merujuk kepada beliau. Manakala dalam kalangan orang-orang awam, terdapat juga para ulama, pensyarah, ustaz, penulis dan pengkaji yang menjadikan beliau sebagai sumber rujukan.

KESIMPULAN

Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari merupakan antara tokoh al-Quran yang terulung di Malaysia. Tanggungjawab menyebarkan ilmu al-Quran kepada masyarakat tidak mengenal jemu sehingga ke peringkat umurnya melewati lebih 80 tahun. Dengan pengorbanan beliau dalam menyebarkan ilmunya kepada masyarakat telah membuka lembaran baru dalam pengajian al-Quran. Inilah antara sumbangan beliau yang besar khususnya kepada masyarakat Islam di Malaysia.